

Client: Exabytes Network
 Publication: Utusan Sarawak
 Format: Hardcopy
 Subject: Exabytes Partners with Celcom Planet
 Date: 16 December 2014
 PR Value: RM 2,205



Utusan Sarawak

Exabytes jalin usaha sama dengan Celcom Planet

KUALALUMPUR: Exabytes Network Sdn Bhd, syarikat penyedia perkhidmatan penghosan web terkemuka, menjalin kerjasama dengan Celcom Planet Sdn Bhd bagi menawarkan saluran komersil tambahan untuk peniaga e-dagang sedia ada.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Exabytes Chan Kee Siak berkata Celcom Planet akan menyediakan saluran komersil untuk barang dan membolehkan peniaga e-dagangnya mengukuhkan lagi kehadiran mereka dalam talian

pada skala antarabangsa.

“Kerjasama ini merupakan langkah strategik yang memberi nilai tambahan kepada peniaga e-dagang sedia ada, dengan mendedahkan mereka kepada kumpulan pengguna dalam talian yang lebih besar melalui pasaran e-dagang Celcom Planet.

“Ini akan membolehkan peniaga yang berdaftar dengan Easystore.my mengeksplorasi peluang-peluang perniagaan dalam ekonomi digital dengan menumpang platform e-dagang yang lebih

besar, yang merupakan sebahagian daripada perluasan antarabangsanya,” kata Chan dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata Exabytes akan bekerjasama rapat dengan Celcom Planet untuk menarik lebih ramai pelawat ke pasaran e-dagang, yang bakal diwujudkan itu melalui promosi istimewa oleh para peniaga e-dagangnya.

“Exabytes mahu menarik beberapa ratus peniaga lagi menjelang akhir 2016,” katanya. — Bernama